

**UNTUK SIARAN SEGERA**



## **KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

### **INISIATIF KPM MENANGANI ISU BULI DAN GANGGUAN SEKSUAL DI SEKOLAH**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius berhubung isu buli dan gangguan seksual yang melibatkan murid-murid di institusi pendidikan bawah KPM.

KPM sentiasa proaktif dalam menangani kes buli dan gangguan seksual di semua institusi pendidikan bawah KPM bagi menjamin ekosistem selamat untuk guru, murid dan seluruh warga institusi pendidikan. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan penguatkuasaan peraturan sedia ada seperti yang terdapat dalam surat siaran kementerian, surat pekeliling ikhtisas dan garis panduan berkaitan.

Antara mekanisme yang sedang dilaksanakan KPM bagi menangani isu buli dan gangguan seksual di semua institusi pendidikan bawah kelolaannya adalah seperti berikut:

1. Kempen kesedaran mengenai kesan buli dan gangguan seksual terhadap mangsa di media konvensional dan media sosial.
2. Program pendidikan mengenai bahaya buli dan gangguan seksual juga dilaksanakan secara bersepadu melibatkan aspek kurikulum, kokurikulum serta pembinaan sahsiah dan amalan sekolah penyayang.
3. Intervensi kepada mangsa buli dan kerjasama strategik dengan semua pihak terutamanya dengan melibatkan agensi penguat kuasa bagi memastikan isu buli dan gangguan seksual dapat ditangani dengan lebih efektif.

KPM menyediakan tiga (3) saluran yang boleh digunakan oleh orang ramai termasuk pihak sekolah dan juga ibu bapa untuk menyalurkan sebarang maklumat berkaitan kes buli dan gangguan seksual yang berlaku. Saluran tersebut ialah talian khas Aduan Buli, e-mel: [adubuli@moe.gov.my](mailto:adubuli@moe.gov.my) dan aduan buli di Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA). Maklumat aduan buli dan gangguan seksual boleh diakses melalui Portal Aduan Buli KPM di <https://www.moe.gov.my/aduanbuli>

Semua jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan institusi pendidikan telah diarahkan untuk mematuhi tahap kesegeraan penyampaian maklumat dan laporan serta tindakan berkaitan buli dan gangguan seksual kepada KPM berdasarkan tempoh hari yang ditetapkan iaitu pada kadar 1:3:7 (hari). Rekod penyelesaian aduan buli dan gangguan seksual di institusi pendidikan bawah KPM menunjukkan lebih 90% kes berjaya diselesaikan dalam tempoh kurang daripada 15 hari.

Pada waktu ini, KPM juga sedang memuktamadkan garis panduan menangani buli dan gangguan seksual serta Peraturan Disiplin Murid yang baharu yang akan dikeluarkan dalam masa terdekat bagi menggantikan Ordinan Pelajaran 1957, Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah 1959).

KPM menyeru kerjasama dan komitmen berterusan semua pihak termasuk ibu bapa, pentadbir institusi pendidikan, guru, media, rakan korporat dan seluruh anggota masyarakat untuk sama-sama terlibat secara langsung atau tidak langsung memerangi isu buli dan gangguan seksual.

KPM sentiasa berusaha memastikan keselamatan, kesejahteraan dan kebajikan seluruh warganya dipelihara. Oleh itu, tiada kompromi kepada buli dan gangguan seksual di semua institusi pendidikan bawah KPM.

**-TAMAT-**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
18 OGOS 2023**